

28/06/1999

Tawaran 3 dalam 1 beri peluang kepada pelancong

LANGKAWI, Ahad - Malaysia menawarkan pelbagai keistimewaan kepada pelancong asing, termasuk kepelbagaian etnik, kebudayaan dan makanan yang tidak boleh didapati di negara lain.

Antara keistimewaan itu ialah tawaran tiga-dalam-satu Malaysia yang memberi peluang kepada pelancong menikmati ciri-ciri negara China, India dan Indonesia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ini kerana sejurus tiba, pelancong dapat merasai kebudayaan dan makanan ketiga-tiga ciri berkenaan serta keistimewaan keharmonian pelbagai kaum di Malaysia.

"Semua ciri-ciri negara berkenaan ada di Malaysia dan saya mempelawa agensi pelancongan asing memperkenalkan Malaysia di kalangan pelancong kerana mereka berpeluang menikmati tawaran tiga-dalam-satu yang tidak ada di negara lain.

"Selain itu, kos melancong yang rendah di Malaysia disebabkan tukaran asing membolehkan mereka berjimat berbanding jika melancong di negara lain.

"Justeru, mereka perlu memanfaatkan pelbagai keistimewaan yang ditawarkan di Malaysia," katanya ketika melancarkan Program Pemasaran Bersama 'Make It Langkawi' dan Langkawi Travel Mart, di sini hari ini.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid; Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir; Pengurus Besar Lada, Datuk Abdul Halil Mutalib dan Naib Presiden Eksekutif MAS, Datuk Bashir Ahmad.

Turut sama ialah wakil agensi pelancongan tempatan dan asing serta 30 wartawan dan penulis pelancongan yang mewakili pelbagai akhbar dan majalah luar negara.

Perdana Menteri yang berucap secara spontan dan bertindak seperti pemandu pelancong memberi taklimat berjaya menarik minat wakil agensi dan penulis pelancongan asing.

Dr Mahathir juga memberikan contoh berhubung penjimatan wang sebanyak satu pertiga perbelanjaan di kalangan pelancong Jepun berbanding perbelanjaan hidup mereka di Jepun.

Malah, katanya, ramai pelancong, terutama dari Amerika Syarikat tidak percaya dengan kadar penginapan hotel di negara ini kerana hotel bertaraf lima bintang menetapkan harga bilik hanya AS\$100 berbanding AS\$500 dan AS\$1,000 di negara mereka.

Bagaimanapun, beliau membidas laporan media asing yang memberi gambaran negatif kononnya Malaysia sebuah negara yang huru-hara akibat demonstrasi walaupun ia terhad di beberapa kawasan tertentu di Kuala Lumpur.

Wabak Japanese Encephalitis (JE) pula hanya terbatas di kawasan yang ada ladang babi dan kerajaan telah mengambil langkah segera menangani masalah itu.

Menurutnya, publisiti buruk di Jepun, Hong Kong dan Taiwan mengenai wabak JE di Malaysia menyebabkan jumlah kedatangan pelancong dari negara terbabit merosot.

Sementara itu, pada sidang akhbar selepas majlis itu, wartawan asing mengemukakan pelbagai soalan kepada Dr Mahathir, termasuk yang berkaitan dengan politik, ekonomi, masa depannya serta bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kepada satu soalan wartawan asing mengenai kepemimpinan negara, beliau berkata pemimpin harus berfikir mengenai masa depan negara untuk

mbolehkannya meletak hal tuju yang tepat.

Katanya, seorang pemimpin harus membuat perancangan untuk masa depan iaitu apa yang akan berlaku 100 tahun dari sekarang.

"Sebab itulah, kita harus merancang sesuatu yang baik untuk semua rakyat dan negara," katanya sambil memberikan contoh pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

(END)